

## **BAB VI**

### **ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN**

#### **6.0 PENDAHULUAN**

Kajian ini terdiri daripada dua fasa iaitu fasa pertama (a) menjalankan kajian deskriptif melalui analisis keperluan terhadap pelajar yang menjadi responden kajian. Aspek kelemahan dan keperluan tatabahasa pelajar dalam membina ayat bahasa Arab dikenalpasti sebagai panduan membina modul. Data diperolehi melalui soalselidik dan ujian pengesanan tatabahasa dan pembinaan ayat (ujian diagnostik). Model analisis keperluan ini telah diadaptasikan dari Model Analisis Keperluan Brindley (1989). Kajian deskriptif ini bagi menjawab persoalan berikut;

- (i) Apakah masalah yang dihadapi pelajar dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis.
- (ii) Apakah aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab.

Dapatan dari analisis keperluan ini digunakan oleh pengkaji sebagai landasan bagi membina Modul Pengajaran Pola Ayat Bahasa Arab yang digunakan oleh guru dan pelajar sebagai pendekatan pengajaran alternatif.

Sementara itu, dalam fasa kedua, (b) pengkaji menjalankan kajian kuasi-eksperimen, dengan membangunkan satu pendekatan alternatif iaitu pendekatan pengajaran pola ayat bahasa arab menggunakan modul. Rekabentuk pengajaran berasaskan modul ini dibangunkan berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005).

Kajian ini akan menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis?
- ii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis mengikut perbezaan 6 aras soalan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar SMKA dan KAA dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis?

## 6.1 PROFIL SAMPEL KAJIAN

Bilangan responden yang terlibat dalam soal selidik dan ujian diagnostik ini adalah seramai 178 orang pelajar tingkatan dua dari tiga buah sekolah menengah kebangsaan di Negeri Kedah. Manakala responden yang terlibat dalam kajian kuasi-eksperimen juga seramai 178 pelajar. Kedudukan jumlah responden mengikut sekolah yang terlibat dalam kajian ini adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.1 di bawah :

**JADUAL 6.1 : Jumlah Peratusan Responden Mengikut Sekolah, Kategori Kumpulan Rawatan dan Kumpulan Kawalan**

Bil	Nama Sekolah	n	Peratus	Kump Rawatan	Peratus	Kump Kawalan	Peratus
1	SMK 1	54	30.3	25	28.1	29	32.6
2	SMK 2	60	33.7	31	34.8	29	32.6
3	SMK 3	64	36.0	33	37.1	31	34.8
Jumlah		178	100.0	89	100.0	89	100.0

Jadual 6.1 menunjukkan jumlah responden yang terlibat dalam kajian ini melibatkan tiga buah Sekolah Menengah Kebangsaan di negeri Kedah. Seramai 54 orang [30.3%] responden mewakili SMK 1. Seramai 25[28.1%] orang pelajar dijadikan sampel kumpulan rawatan dan 29 [32.6%] orang pelajar dijadikan sampel kumpulan kawalan. Sementara itu, bilangan responden mewakili SMK 2 adalah seramai 60 orang [33.7%] pelajar. Pelajar yang dipilih menjadi sampel kumpulan rawatan seramai 31 orang [34.8%] dan pelajar yang mewakili sampel kumpulan kawalan seramai 29 orang [32.6%]. Manakala di SMK 3 pula kajian melibatkan 64 orang [36.0%] responden. Sampel yang menjadi kumpulan rawatan seramai 33 orang [37.1%] dan sampel kumpulan kawalan seramai 31 orang pelajar [34.8%].

### 6.1.1 Pencapaian Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 2008

Kemasukan pelajar ke SMKA dan KAA melibatkan pencapaian ujian UPSR (2008). Pelajar yang cemerlang dalam UPSR dan ujian kemasukan SMKA dan KAA sahaja layak untuk masuk ke sekolah-sekolah ini. Jadual 6.2 di bawah menunjukkan taburan gred pencapaian ujian penilaian sekolah rendah (UPSR) tahun 2008 bagi responden yang menjadi sampel kajian.

**Jadual 6.2: Taburan Gred Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 2008**

Sekolah	Gred Keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) Tahun 2008				Jumlah (n)
	5A	4A	3A	2A	
SMK 1	30	14	4	6	54
SMK 2	12	6	36	6	60
SMK 3	42	22	-	-	64

Jadual 6.2 menunjukkan keputusan Ujian Penilaian Sekolah Rendah(UPSR). Jadual menunjukkan terdapat sedikit perbezaan dari segi pencapaian pelajar yang menjadi sampel kajian. Pencapaian SMK 1 iaitu 30 orang pelajar mendapat 5A, 14 orang mendapat 4A, seramai 4 orang mendapat 3A dan 6 orang pelajar mendapat 2A. Manakala pencapaian UPSR bagi pelajar SMK 2 iaitu 12 orang mendapat 5A, 6 orang mendapat 4A , 36 orang pelajar mendapat 3A dan seramai 6 orang pelajar mendapat 2A. Sementara itu SMK 3 menunjukkan seramai 42 orang mendapat 5A dan 22 orang pelajar mendapat 4A dalam Ujian Penilaian Sekolah Rendah. Perbezaan pencapaian yang sedikit ini tidak menjejaskan kajian kuasi-rawatan ini kerana kebanyakan pelajar yang masuk ke SMK 3 ini mempunyai kelayakan yang maksima iaitu gred 5A dan 4A dalam UPSR. Manakala gred yang melayakan mereka memasuki kelas aliran agama KAA pula 5A, 4A dan 3A. Hanya terdapat beberapa orang pelajar sahaja yang mendapat 3A.

### **6.1.2 Pencapaian Ujian Bahasa Arab Peperiksaan Akhir Tahun Tingkatan Satu Tahun 2009**

Selain dari pencapaian UPSR diambilkira dalam pemilihan sampel ini, maka keputusan ujian akhir tahun juga dilihat bagi memastikan tidak terdapat perbezaan yang ketara di antara sampel yang dipilih dan terlibat dalam kajian kuasi-rawatan ini. Jadual 6.3 berikut menunjukkan taburan gred keputusan peperiksaan akhir tahun matapelajaran bahasa Arab bagi responden yang menjadi sampel kajian.

**Jadual 6.3: Taburan Gred Keputusan Ujian Akhir Tahun  
Matapelajaran Bahasa Arab Tahun 2009**

Sekolah	Gred Keputusan Ujian Akhir Tahun Bahasa Arab Tahun 2009				Jumlah (n)
	A	B	C	D	
SMK 1	8	30	6	10	54
SMK 2	18	20	16	6	60
SMK 3	22	21	12	9	64

Jadual 6.3 menunjukkan 8 orang pelajar mendapat gred A, 30 orang mendapat gred B, 6 orang mendapat gred C dan 10 orang mendapat gred D mewakili SMK1. Manakala 18 orang pelajar mendapat gred A, 20 orang pelajar mendapat gred B, 16 orang pelajar mendapat gred C dan 6 orang pelajar mendapat gred D. Di SMK 3 pula 22 orang pelajar mendapat gred A, 21 orang pelajar mendapat gred B, 12 orang pelajar mendapat gred C dan 9 orang pelajar mendapat gred D. Pencapaian pelajar dalam ujian akhir tahun ini menggambarkan tidak terdapat perbezaan yang ketara dari aspek pencapaian.

## **6.2 ANALISIS DATA KUANTITATIF**

Penyelidikan dijalankan berdasarkan dua pendekatan iaitu kajian deskriptif dan pendekatan kajian kuasi-rawatan menggunakan analisis data kuantitatif.

Kajian deskriptif akan menjawab persoalan kajian berikut:

- i. Apakah masalah pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis.
- ii. Apakah aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab.

Manakala pendekatan kuasi-rawatan melibatkan persoalan kajian berikut:

- i. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis?
- ii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis mengikut perbezaan 6 aras soalan?
- iii. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar SMKA dan KAA dalam membina ayat bahasa Arab?

Data-data kajian di analisis menggunakan ujian t untuk mengukur perbezaan antara variable-variabel kajian. Paras signifikan telah ditentukan pada paras  $p < .05$ .

### **6.2.1 Analisis Data Kajian Deskriptif**

Analisis data kajian deskriptif ini bagi menjawab persoalan kajian berikut;

- i. Apakah masalah yang dihadapi pelajar dalam membina ayat bahasa Arab yang gramatis?
- ii. Apakah aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab?

#### **6.2.1.1 Masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat bahasa Arab.**

Berikut adalah dapatan-dapatan berkaitan dengan masalah-masalah yang dihadapi pelajar ketika membina ayat-ayat bahasa Arab. Masalah-masalah yang dikaji dalam kajian ini iaitu masalah kecekapan leksikal, morfologi dan sintaksis.


## **i. Masalah Kecekapan Leksikal**

Leksikal merupakan satu elemen penting yang digunakan bagi membina sesuatu ayat dalam sesuatu bahasa. Dalam membina ayat bahasa Arab seseorang pelajar perlu menguasai aspek leksikal. Sukatan pelajaran bahasa Arab KBSM (2006), telah menetapkan salah satu objektifnya ialah pelajar dapat menguasai 1500 perkataan bahasa Arab. Oleh itu tujuan kajian ini bagi mengenalpastikan kecekapan pelajar menguasai aspek leksikal. Jadual 6.4 di bawah menggambarkan tahap skor pelajar terhadap aspek leksikal. Kelemahan menguasai aspek leksikal menyebabkan pelajar gagal membina ayat. Menurut Abdul Rahman (2009:241) di antara halangan semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah kekurangan leksikal bahasa Arab.

**JADUAL 6.4 : Masalah Kecekapan Leksikal Pelajar**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	-	-
Lemah	28	15.7
Sederhana	99	55.6
Baik	51	28.7
Cemerlang	-	-
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.4 menunjukkan tahap skor responden dalam aspek leksikal iaitu 28 orang [15.7%] berada di tahap lemah, 99 orang [55.6%] di tahap sederhana, 51 orang [28.7%] di tahap baik. Dapatan ini menunjukkan kebanyakan responden tidak menguasai aspek leksikal di tahap yang baik dan cemerlang.



**RAJAH 6.1: Tahap Masalah Leksikal Pelajar**

**ii. Masalah Kecekapan Morfologi**


Jadual 6.5 di bawah menunjukkan lebih 50% responden berada di tahap sederhana dan lemah dalam kompetensi morfologi. Kajian tentang kecekapan morfologi ini dipilih oleh pengkaji bagi mengenalpasti kemahiran pelajar dalam aspek morfologi. Bidang morfologi ini penting bagi memastikan ayat yang dibina oleh pelajar adalah betul dan gramatis.

**JADUAL 6.5 : Masalah Kecekapan Morfologi**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	2	1.1
Lemah	11	6.2
Sederhana	89	50.0
Baik	65	36.5
Cemerlang	11	6.2
Jumlah	178	100.0



Jadual 6.5 menunjukkan tahap skor responden dalam aspek morfologi. Dapatan menunjukkan 2 orang pelajar [1.1%] berada di tahap amat lemah, 11 orang pelajar [6.2%] lemah, 89 orang pelajar [50.0%] berada di tahap sederhana. Manakala 65 orang pelajar [36.5%] berada di tahap baik dan 11 orang pelajar [6.2%] adalah cemerlang.



**RAJAH 6.2: Tahap Masalah Morfologi Pelajar**


### iii. Masalah Kecekapan Sintaksis

Jadual 6.6 di bawah menunjukkan kecekapan sintaksis pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab. Kecekapan sintaksis pelajar ini dikaji bagi mengenalpasti kemahiran pelajar dalam membina ayat bahasa Arab. Dapatan dari jadual 6.6 menunjukkan kemahiran pelajar dalam membina ayat masih di tahap yang sederhana dan lemah.

**JADUAL 6.6 : Masalah Kecekapan Sintaksis**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	-	-
Lemah	40	22.5
Sederhana	101	56.7
Baik	36	20.2
Cemerlang	1	.6
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.6 menunjukkan tahap pencapaian pelajar dalam aspek sintaksis atau pembinaan ayat. Seramai 40 orang pelajar [22.5%] berada di tahap yang lemah. Sementara itu 101 pelajar [56.7%] berada di tahap sederhana. Manakala 36 pelajar [20.2%] berada di tahap baik dalam aspek sintaksis. Hanya seorang pelajar sahaja yang berada di tahap cemerlang. Ini jelas membuktikan responden belum menguasai aspek sintaksis atau pembinaan ayat dengan baik dan cemerlang.



**RAJAH 6.3: Tahap Masalah Sintaksis Pelajar**

**JADUAL 6.7 : Analisis Keseluruhan Masalah Pelajar Dalam Membina Ayat**

Aspek bahasa	N	Skor Min	Sisihan Piawai
Masalah Leksikal	178	3.13	0.655
Masalah Morfologi	178	3.40	0.747
Masalah Sintaksis	178	2.99	0.672
Jumlah N	178		

Dapat dirumuskan bahawa masalah-masalah yang dihadapi pelajar dalam membina ayat bahasa Arab seperti ditunjukkan dalam jadual 6.7. Skor min masalah pelajar dalam membina ayat ialah 3.13 dari skala 5.0 mewakili masalah leksikal, skor min 3.40 adalah masalah morfologi dan skor min 2.99 mewakili masalah sintaksis. Dapatan juga menunjukkan tahap kecekapan pelajar dalam aspek leksikal, morfologi dan sintaksis masih berada di tahap yang sederhana dan rendah.

#### **6.2.1.2 Aspek-aspek kelemahan dan kesilapan tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat bahasa Arab**

##### **i. Pengkelasan Kata**

Soalan 1 meliputi tajuk pengkelasan kata dalam bahasa Arab. Soalan ini dibahagikan kepada 3 bahagian iaitu (a) mengenalpasti kata nama, (b) mengenalpasti kata kerja, dan (c) mengenalpasti kata sendi. Responden dikehendaki mengelaskan kategori kata bahasa Arab kepada kata nama, kata kerja dan kata sendi.


**a. Pengkelasan Kata (Kata Nama)**

Jadual 6.8 menunjukkan tahap skor responden dalam pengkelasan kata nama. Tujuan kajian bagi mengenalpasti kecekapan responden dalam membezakan antara kata nama, kata kerja dan kata sendi.

**JADUAL 6.8 : Pengkelasan Kata (Kata Nama)**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	7	3.9
Lemah	3	1.7
Sederhana	16	9.0
Baik	36	20.2
Cemerlang	116	65.2
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.8 mendapati seramai 116 orang responden [65.2%] dapat mengenalpasti kelas kata nama dengan tahap skor cemerlang. Manakala 36 orang [20.2%] berada di tahap baik dan 16 orang [9.0%] di tahap sederhana. Sementara itu 3 orang pelajar [1.7%] di tahap lemah dan 7 orang [3.9%] berada di tahap amat lemah. Rajah 6.4 di bawah menjelaskan lagi dapatan kajian.



**RAJAH 6.4 : Pengkelasan Kata Nama**


**b. Pengkelasan Kata (Kata Kerja)**

Kata kerja merupakan satu bentuk pengkelasan kata bahasa Arab. Jadual 6.9 menunjukkan tahap skor responden dalam pengkelasan kata kerja.

**JADUAL 6.9 : Pengkelasan Kata (Kata Kerja)**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	12	6.7
Lemah	4	2.2
Sederhana	20	11.2
Baik	11	6.2
Cemerlang	131	73.6
Jumlah	178	100.0

Dapatan menunjukkan 131 orang responden [73.6%] dapat mengenalpasti kelas kata kerja dengan tahap skor cemerlang. 11 orang responden [6.2%] menunjukkan tahap skor yang baik. Manakala 20 orang [11.2% ] berada di tahap sederhana dan seramai 4 orang [2.2% ] di tahap skor yang lemah dan 12 orang [6.7%] amat lemah dalam mengenalpasti kelas kata kerja. Rajah 6.5 di bawah menjelaskan lagi fenomena tersebut.



**RAJAH 6.5 : Pengkelasan Kata Kerja**


**c. Pengkelasan Kata ( Kata Sendi)**

Kata sendi merupakan salah satu daripada golongan kata dalam bahasa Arab. Kata sendi merupakan golongan kata yang selalu digunakan dalam membina sesuatu ayat. Jadual 6.10 menunjukkan tahap skor pelajar dalam pengkelasan kata sendi.

**JADUAL 6.10 : Pengkelasan Kata (Kata Sendi)**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	3	1.7
Lemah	1	0.6
Sederhana	-	-
Baik	5	2.8
Cemerlang	169	94.9
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.10 di atas menunjukkan 169 orang responden [94.9%] dapat mengenalpasti kelas kata sendi pada tahap skor cemerlang. Hanya 5 orang responden [2.8%] menunjukkan tahap skor yang baik. Manakala seorang [0.6%] berada di tahap lemah dan seramai 3 orang [1.7%] di tahap skor yang amat lemah dalam mengenalpasti kata sendi. Rajah 6.6 di bawah menjelaskan lagi dapatan tersebut.



**RAJAH 6.6 : Pengkelasan Kata Sendi**

## ii. Jenis Kata Nama (Gender)

Soalan 2(a) dan 2 (b) bertujuan untuk mengukur tahap kecekapan responden dalam mengenalpasti kata nama maskulin dan kata nama feminin. Responden dikehendaki memilih perkataan yang menunjukkan maskulin atau feminin dan mengisinya dalam ruang yang telah disediakan .

### a. Kata nama Maskulin


Soalan 2(a) untuk mengukur tahap kemampuan responden mengenali kata nama maskulin bahasa Arab. Jadual 6.11 menunjukkan dapatan kajian.

**JADUAL 6.11: Kata Nama Maskulin**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	2	1.1
Lemah	2	1.1
Sederhana	3	1.7
Baik	33	18.5
Cemerlang	138	77.5
Jumlah	178	100.0

Dapatan daripada jadual 6.11 menunjukkan seramai 138 orang pelajar [77.5%] mendapat skor cemerlang. 33 orang pelajar [18.5%] mendapat skor baik dan 3 orang [1.7%] sederhana. Sementara 2 orang pelajar [1.1%] berada di tahap lemah dan 2 orang lagi [1.1%] mendapat skor amat lemah. Dapatan ini menggambarkan kebanyakan pelajar dapat mengenali kata nama maskulin. Rajah 6.7 menjelaskan lagi dapatan kajian.





**RAJAH 6.7: Kata Nama Maskulin**

**b. Kata Nama Feminin**


Soalan 2(b) untuk mengukur tahap kecekapan responden mengenali kata nama feminin bahasa Arab. Jadual 6.12 menunjukkan dapatan kajian tersebut.

**JADUAL 6.12: Kata Nama Feminin**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	5	2.8
Lemah	2	1.1
Sederhana	2	1.1
Baik	35	19.7
Cemerlang	134	75.3
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.12 menunjukkan dapatan kajian bagi soalan 2(b). Dapatan menunjukkan 134 orang [75.3%] mendapat skor cemerlang. 35 orang [19.7%]

mendapat skor baik. Sementara itu 2 orang [1.1%] mendapat skor sederhana dan lemah. Manakala 5 orang pelajar [2.8%]mendapat skor amat lemah. Rajah 6.8 menjelaskan lagi dapatan di atas.



**RAJAH 6.8: Kata Nama Feminin**

### iii. Jenis Kata Nama (Bilangan)

Soalan 3(a), 3(b) dan 3(c) merangkumi tajuk kata nama tunggal, duaan dan jamak. Instrumen ini adalah untuk mengukur samada responden dapat membezakan kata nama tunggal, duaan ataupun kata nama jamak. Responden dikehendaki memilih perkataan yang sesuai dan mengisi ruang yang telah disediakan.


#### a. Kata Nama Tunggal

Pengetahuan tentang jenis-jenis kata nama perlu dikuasai oleh pelajar dalam membina ayat gramatis bahasa Arab. Soalan ujian 3(a) adalah berkaitan dengan kata nama tunggal. Jadual 6.13 menunjukkan tahap kompetensi responden dalam menguasai kata nama tunggal bahasa Arab.

**JADUAL 6.13 : Kata Nama Tunggal**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	18	10.1
Lemah	13	7.3
Sederhana	34	19.1
Baik	42	23.6
Cemerlang	71	39.9
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.12 menunjukkan tahap skor responden terhadap kata nama tunggal. 71 orang pelajar [39.9%] mendapat skor cemerlang, 42 orang pelajar [23.6%] mendapat skor baik dan 34 orang pelajar [19.1%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 13 orang pelajar [7.3%] mendapat skor lemah dan 18 orang pelajar [10.1%] mendapat skor lemah. Rajah 6.9 di bawah menjelaskan lagi dapatan kajian ini.



**RAJAH 6.9: Kata Nama Tunggal**


**b. Kata Nama Duaan**

Kata Nama Duaan perlu dikuasai pelajar bagi menjamin kegramatisan sesuatu ayat yang dibina. Jadual 6.14 adalah dapatan kajian bagi soalan ujian 3(b).

**JADUAL 6.14 : Kata Nama Duaan**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	18	10.1
Lemah	9	5.1
Sederhana	12	6.7
Baik	10	5.6
Cemerlang	129	72.5
Jumlah	178	100

Jadual 6.14 menunjukkan 129 orang pelajar [72.5%] mendapat skor yang cemerlang. 10 orang pelajar [5.6%] mendapat skor baik dan seramai 12 orang pelajar [6.7%] mendapat skor sederhana. Pelajar yang mendapat skor lemah hanya 9 orang [5.1%]. Manakala yang mendapat skor amat lemah seramai 18 orang pelajar [10.1%]. Jadual ini menunjukkan kebanyakan pelajar dapat menguasai kata nama Duaan. Rajah 6.9 dibawah menjelaskan lagi dapatan kajian ini.



**RAJAH 6.10: Kata Nama Duan**

**c. Kata Nama Jamak**


Kata Nama Jamak perlu dikuasai pelajar ketika membina sesuatu ayat. Penguasaan aspek ini dapat menjamin sesuatu ayat yang dibina itu gramatis atau sebaliknya. Jadual 6.15 adalah dapatan kajian bagi soalan ujian 3(c).

**JADUAL 6.15 : Kata Nama Jamak**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	20	11.2
Lemah	22	12.4
Sederhana	41	23.0
Baik	31	17.4
Cemerlang	64	36.0
Jumlah	178	100.0

Dapatan kajian mendapati seramai 64 orang pelajar [36%] mendapat skor cemerlang. Manakala 31 orang pelajar [17.4%] mendapat skor baik. Pelajar yang mendapat skor sederhana seramai 41 orang [23%] dan 22 orang pelajar [12.4%]

mendapat skor lemah dan 20 orang lagi [11.2%] mendapat skor amat lemah. Dapatan ini menunjukkan lebih 50% pelajar dapat mengenali kata nama jamak.



**RAJAH 6.11: Kata Nama Jamak**

#### **iv. Derivasi Kata Kerja**

Soalan 4 adalah mengenai kata kerja dan derivasinya. Responden dikehendaki melengkapkan jadual berkaitan dengan kata kerja lepas, kata kerja sedang dan kata perintah serta derivasinya. Tujuannya untuk mengenalpasti tahap kecekapan dan kelemahan responden terhadap kata kerja dan derivasi bahasa Arab.


##### **a. Derivasi Kata Kerja Lepas**

Responden perlu mengetahui derivasi kata kerja lepas bagi memastikan ayat yang dibina adalah gramatis. Jadual 6.16 adalah hasil dapatan dari soalan ujian 4(a) yang menunjukkan skor pelajar terhadap derivasi kata kerja lepas.

**JADUAL 6.16 : Derivasi Kata Kerja Lepas**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	133	74.7
Lemah	10	5.6
Sederhana	6	3.4
Baik	15	8.4
Cemerlang	14	7.9
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.16 mendapati 14 orang pelajar [7.9%] mendapat skor cemerlang. 15 orang pelajar [8.4%] mendapat skor baik dan 6 pelajar [3.4%] mendapat skor sederhana. Sementara 10 orang pelajar [5.6%] mendapat skor lemah dan 133 orang responden [74.7%] mendapat skor amat lemah. Rajah 6.12 menjelaskan lagi dapatan di atas.



**RAJAH 6.12: Derivasi Kata Kerja Lepas**

**b. Derivasi Kata Kerja Sedang**


Pelajar perlu menguasai derivasi kata kerja sedang supaya dapat membina ayat yang gramatis dan betul dari aspek tatabahasa. Jadual 6.17 menunjukkan tahap skor pelajar terhadap derivasi kata kerja sedang dari dapatan kajian soalan ujian 4 (b).

**JADUAL 6.17 : Derivasi Kata Kerja Sedang**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	147	82.6
Lemah	10	5.6
Sederhana	13	7.3
Baik	4	2.2
Cemerlang	4	2.2
Jumlah	178	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 6.17 menunjukkan seramai 4 orang pelajar [2.2%] mendapat skor cemerlang. Manakala 4 orang pelajar [2.2%] mendapat skor baik dan 13 pelajar [7.3%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 10 orang pelajar [5.6%] mencapai tahap skor lemah dan 147 orang responden [82.6 %] mencapai tahap skor amat lemah. Rajah 6.13 menjelaskan lagi dapatan di atas.





**RAJAH 6.13: Derivasi Kata Kerja Sedang**


**c. Derivasi Kata Kerja Perintah**

Kata kerja perintah dan derivasinya perlu dikuasai oleh seseorang pelajar bahasa Arab. Ini penting bagi menjamin sesuatu ayat yang dibina adalah betul dan gramatis. Jadual 6.18 adalah dapatan kajian dari soalan ujian 4(c).

**JADUAL 6.18 : Derivasi Kata Kerja Perintah**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	165	92.7
Lemah	3	1.7
Sederhana	2	1.1
Baik	5	2.8
Cemerlang	3	1.7
Jumlah	178	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 6.18 menunjukkan seramai 3 orang pelajar [1.7%] mendapat skor cemerlang. Manakala 5 orang pelajar [2.8%] mendapat skor baik dan 2 pelajar [1.1%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 3 orang pelajar [1.7%] mencapai tahap skor lemah dan 165 orang responden [92.7 %] mencapai tahap skor amat lemah. Rajah 6.14 menjelaskan lagi dapatan di atas.



**RAJAH 6.14: Derivasi Kata Kerja Perintah**


**v. Ayat Ismiyyat**

Soalan ujian 5 ini meliputi tajuk ayat ismiyyat. Responden dikehendaki membina ayat ismiyyat dengan cara menyusun perkataan yang telah diberikan. Pola ayat ismiyyat yang diukur merangkumi semua unit pola yang terdapat dalam sukatan pelajaran tingkatan satu. Soalan dimulakan dengan pola yang paling mudah sehingga pola yang paling sukar.

**JADUAL 6.19 : Ayat Ismiyyat**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	13	7.3
Lemah	26	14.6
Sederhana	31	17.4
Baik	50	28.1
Cemerlang	58	32.6
Jumlah	178	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 6.19 menunjukkan seramai 58 orang pelajar [32.6%] mendapat skor cemerlang. Manakala 50 orang pelajar [28.1%] mendapat skor baik dan 31 pelajar [17.4%] mendapat skor sederhana. Sementara itu 26 orang pelajar [14.4%] mencapai tahap skor lemah dan 13 orang responden [7.3 %] mencapai tahap skor amat lemah. Rajah 6.15 menjelaskan lagi dapatan di atas.



**RAJAH 6.15: Ayat Ismiyyat**


**vi. Ayat Fi'liyyat**

Soalan 6 mengenai Ayat Fi'liyyat. Ia bagi mengukur kecekapan responden terhadap pola ayat fi'liyyat iaitu menukarkan ayat ismiyyat kepada ayat fi'liyyat.

**JADUAL 6.20 : Ayat Fi'liyyat**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	66	37.1
Lemah	109	61.2
Sederhana	2	1.1
Baik	-	-
Cemerlang	1	.6
Jumlah	178	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 6.20 menunjukkan hanya seorang pelajar [0.6%] mendapat skor cemerlang. Manakala 2 pelajar [1.1%] mendapat skor sederhana. Sementara itu, 109 orang pelajar [61.2%] mencapai tahap skor lemah dan 66 orang responden [37.1 %] mendapat skor amat lemah. Rajah 6.16 menjelaskan lagi dapatan di atas.



**RAJAH 6.16: Ayat Fi 'liyyat**


**vii. Mengkategorikan Jenis Pola Ayat**

Soalan ujian 7 adalah bertujuan untuk mengukur kecekapan responden untuk mengkategorikan jenis pola ayat samada ayat berbentuk ayat ismiyyat (جُمْلَةٌ اِسْمِيَّةٌ) atau ayat fi 'liyyat (جُمْلَةٌ فِعْلِيَّةٌ). Responden dikehendaki mengelaskan ayat kepada ayat ismiyyat atau ayat fi 'liyyat .

**JADUAL 6.21 : Mengkategorikan Jenis Pola Ayat**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	30	16.9
Lemah	20	11.2
Sederhana	42	23.6
Baik	50	28.1
Cemerlang	36	20.2
Jumlah	178	100.0

Dapatan kajian daripada jadual 6.21 menunjukkan seramai 36 orang pelajar [20.2%] mendapat skor cemerlang. Manakala 50 orang pelajar [28.1%] mendapat skor baik. Sementara itu 42 orang pelajar [23.6%] mencapai tahap skor sederhana dan 20 orang responden [11.2 %] mencapai tahap skor lemah. Manakala 30 orang responden [16.9%] mendapat skor amat lemah. Rajah 6.17 menjelaskan lagi dapatan di atas.



**RAJAH 6.17: Mengkategorikan Jenis Pola Ayat**


### viii. Penilaian Ayat Gramatis

Soalan ujian 8 adalah untuk mengukur kecekapan responden dalam menilai samada pola ayat yang diberikan betul atau ayat salah dari aspek gramatis. Responden dikehendaki memilih satu pola ayat yang gramatis dari empat ayat yang diberi.

**JADUAL 6.22: Penilaian Pola Ayat Gramatis**

Tahap Skor Responden	Kekerapan	Peratusan
Amat lemah	71	39.9
Lemah	32	18.0
Sederhana	26	14.6
Baik	31	17.4
Cemerlang	18	10.1
Jumlah	178	100.0

Jadual 6.22 menunjukkan seramai 18 orang pelajar [10.1%] mencapai tahap skor cemerlang. Manakala 31 orang pelajar [17.4%] mendapat skor baik. Sementara itu 26 orang pelajar [14.6%] mencapai tahap skor sederhana. Jadual 6.21 juga menunjukkan seramai 32 orang responden [18.0 %] mencapai tahap skor lemah dan 71 orang responden [39.9%] mendapat skor amat lemah. Rajah 6.18 menjelaskan lagi dapatan tersebut.



**RAJAH 6.18: Pemilihan Ayat Gramatis**

### **6.3 ANALISIS KAJIAN KUASI-EKSPERIMEN**

Pengkaji telah menjalankan kajian kuasi-eksperimen, iaitu membangun dan menilai keberkesanan pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul yang direkabentuk berdasarkan Model Rekabentuk Pengajaran Dick dan Carey (2005). Tiga persoalan kajian dan hipotesis nol dalam kajian kuasi-eksperimen ini adalah seperti berikut;

- a. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab yang gramatis

#### **Hipotesis Nol 1;**

Pendekatan pengajaran pola ayat bahasa Arab menggunakan modul tidak memberi kesan terhadap pencapaian pelajar dalam pembinaan ayat gramatis.

- b. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab yang gramatis mengikut perbezaan 6 aras soalan.

#### **Hipotesis Nol 2;**

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab mengikut perbezaan 6 aras soalan.

- c. Adakah terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar SMKA dan KAA dalam membina pola ayat bahasa Arab.



### Hipotesis Nol 3;

Tidak terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar SMKA dan KAA dalam membina pola ayat bahasa Arab.

#### 6.3.1 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Secara Keseluruhan


Hasil ujian t bagi menguji hipotesis 1 adalah seperti dalam Jadual 6.22 yang menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan secara keseluruhan.

**JADUAL 6.23 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	2.65	0.893	1.879	.062
	Kawalan	89	2.43	0.689		
Pos	Rawatan	89	3.54	0.770	7.835	0.00
	Kawalan	89	2.66	0.722		

Berdasarkan jadual 6.23, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.65 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.43 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 1.879 dan nilai signifikan ialah 0.062. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra.

Manakala dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.54 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.66 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 7.835 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos. Oleh itu hipotesis nol ditolak. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.19 berikut;



**RAJAH 6.19 : Histogram Perbezaan Tahap Pencapaian Secara Keseluruhan Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan**

Kesimpulan ujian t antara ujian pra dan ujian pos secara keseluruhan di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah dapatan kajian mendapati tahap

pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina pola-pola ayat bahasa Arab yang gramatis setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

### 6.3.2 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Aras Soalan

Ujian t antara ujian pra dan pos berasaskan aras soalan meliputi aras pengetahuan, kefahaman, aplikasi, analisis, sintesis dan penilaian.

#### 6.3.2.1 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Soalan Aras Pengetahuan

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.24 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan soalan aras pengetahuan.


**JADUAL 6.24 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Pengetahuan**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	2.46	0.930	0.464	0.643
	Kawalan	89	2.42	1.007		
Pos	Rawatan	89	3.25	0.920	4.506	0.00
	Kawalan	89	2.63	0.909		

Berdasarkan jadual 6.24, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.46 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.42 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.464 dan nilai signifikan ialah 0.643. Ini bermakna

tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berasaskan soalan aras pengetahuan.

Manakala dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.25 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.63 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 4.506 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berasaskan soalan aras pengetahuan. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.20 berikut



**RAJAH 6.20 Histogram Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berasaskan Aras Pengetahuan**

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pos di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina pola-pola ayat bahasa Arab berasaskan soalan aras pengetahuan setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

### 6.3.2.2 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Soalan Aras Kefahaman

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.25 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan soalan aras kefahaman.


**JADUAL 6.25 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Kefahaman**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	3.16	1.269	0.420	0.675
	Kawalan	89	3.08	1.227		
Pos	Rawatan	89	4.25	0.969	6.866	0.00
	Kawalan	89	3.21	1.039		

Berdasarkan jadual 6.25, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 3.16 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 3.08 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.420 dan nilai signifikan ialah 0.675. Ini bermakna

tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berasaskan soalan aras kefahaman.

Manakala dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 4.25 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 3.21 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 6.866 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berasaskan soalan aras kefahaman. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.21 berikut;



**RAJAH 6.21:Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berasaskan Aras Kefahaman**

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pos di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina pola-pola ayat bahasa Arab berasaskan soalan aras kefahaman setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

### 6.3.2.3 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Soalan Aras Aplikasi

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.26 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan soalan aras aplikasi.

**JADUAL 6.26 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Aplikasi**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	3.13	1.597	3.098	0.002
	Kawalan	89	2.47	1.235		
Pos	Rawatan	89	3.57	1.214	5.199	0.00
	Kawalan	89	2.70	1.027		


Berdasarkan jadual 6.26, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 3.13 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.47 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 3.098 dan nilai signifikan ialah 0.002. Ini bermakna terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan

terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berasaskan soalan aras aplikasi.

Namun demikian dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.57 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.70 dari skala 5. Nilai  $t$  bagi ujian pos ini ialah 5.199 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian  $t$  ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berasaskan soalan aras aplikasi.

Walaupun dapat menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan di antara kumpulan rawatan dan kawalan dalam ujian pra, namun demikian dapatan dari ujian pos menunjukkan pencapaian kumpulan rawatan lebih tinggi daripada pencapaian kumpulan kawalan. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.22 berikut;





**RAJAH 6.22:Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berdasarkan Aras Aplikasi**

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pos di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berasaskan soalan aras aplikasi setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

#### 6.3.2.4 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Soalan Aras Analisis

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.27 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan soalan aras analisis.


**JADUAL 6.27 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Analisis**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	2.42	1.042	0.732	0.465
	Kawalan	89	2.29	1.005		
Pos	Rawatan	89	3.15	0.972	5.085	0.000
	Kawalan	89	2.40	0.974		

Berdasarkan jadual 6.27, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.42 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.29 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.732 dan nilai signifikan ialah 0.465. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berasaskan soalan aras analisis.

Manakala dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.15 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.38 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 5.085 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat

perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berdasarkan soalan aras analisis. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.23 berikut;



**RAJAH 6.23:Perbezaan Tahap Pencapaian Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berasaskan Aras Analisis**

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pos di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina pola-pola ayat bahasa Arab berdasarkan soalan aras analisis setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

### 6.3.2.5 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Soalan Aras Sintesis

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.28 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan soalan aras sintesis.


**JADUAL 6.28 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Sintesis**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	2.21	1.192	2.000	0.047
	Kawalan	89	1.89	0.970		
Pos	Rawatan	89	3.21	1.050	7.234	0.000
	Kawalan	89	2.17	0.869		

Berdasarkan Jadual 6.28, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.21 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 1.89 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 2.000 dan nilai signifikan ialah 0.047. Ini bermakna terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berasaskan soalan aras sintesis.

Namun begitu, dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.21 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.17 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 7.234 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan

terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berdasarkan soalan aras sintesis. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.24 berikut;



**RAJAH 6.24:Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berasaskan Aras Sintesis**

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pos di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan adalah kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina pola-pola ayat bahasa Arab berdasarkan soalan aras sintesis setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

### 6.3.2.6 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Soalan Aras Penilaian

Hasil ujian t seperti dalam Jadual 6.29 menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan soalan aras penilaian.


**JADUAL 6.29 : Ujian t Menunjukkan Perbezaan Skor Min Dalam Ujian Pra dan Ujian Pos Antara Kumpulan Rawatan Dan Kumpulan Kawalan Bagi Soalan Aras Penilaian**

Ujian	Kumpulan	Bilangan (n)	Skor Min	Sisihan Lazim	Nilai t	Sign.
Pra	Rawatan	89	2.03	1.123	0.435	0.664
	Kawalan	89	1.97	0.935		
Pos	Rawatan	89	3.13	1.140	5.268	0.000
	Kawalan	89	2.35	0.827		

Berdasarkan jadual 6.29, skor min pelajar kumpulan rawatan dalam ujian pra ialah 2.03 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 1.97 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pra ini ialah 0.435 dan nilai signifikan ialah 0.664. Ini bermakna tidak terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ini menunjukkan tidak terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pra berasaskan soalan aras penilaian.

Sementara itu, dalam ujian pos skor min pelajar kumpulan rawatan ialah 3.13 dari skala 5 dan skor min pelajar kumpulan kawalan ialah 2.35 dari skala 5. Nilai t bagi ujian pos ini ialah 5.268 dan aras signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat

perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05. Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dengan kumpulan kawalan dalam ujian pos pembinaan pola ayat berasaskan soalan aras penilaian. Dapatan ini dijelaskan dalam rajah 6.25 berikut;



**RAJAH 6.25:Perbezaan Tahap Pencapaian Antara Kumpulan Rawatan Dengan Kumpulan Kawalan Berasaskan Aras Penilaian**

Kesimpulan dari hasil ujian t antara ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan, dapatan kajian mendapati tahap pencapaian pelajar kumpulan rawatan adalah lebih baik daripada tahap pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab berasaskan soalan aras penilaian setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul.

Rumusan dari hasil dapatan ujian t antara ujian pra dan ujian pos berasaskan aras soalan, maka dapatan mendapati terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab mengikut perbezaan 6 aras soalan. Oleh itu hipotesis nol kedua ditolak.

### 6.3.3 Ujian t Antara Ujian Pra dan Ujian Pos Berasaskan Kategori Sekolah

Hasil ujian t bagi menguji hipotesis nol 3 adalah seperti dalam Jadual 6.30 yang menunjukkan perbezaan skor min dalam ujian pra dan ujian pos bagi kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan berasaskan kategori sekolah SMKA dan KAA.

**JADUAL 6.30: Pencapaian Pelajar Kumpulan Rawatan Dalam Membina Ayat bahasa Arab Mengikut Jenis Sekolah**

Bil	Jenis Sekolah	Skor Min Ujian Pra	Skor Min Ujian Pos	Nilai t	Sign.	Keputusan Ujian t
1.	SMKA	3.14	3.86	13.52	0.00	Signifikan
2.	KAA	2.22	3.16	20.70	0.00	Signifikan

Jadual 6.30 menunjukkan pencapaian pelajar kumpulan rawatan dalam membina ayat bahasa Arab mengikut jenis sekolah. Ia menunjukkan skor min ujian pra bagi pelajar SMKA ialah 3.14 dari skala 5 dan skor min ujian pos adalah 3.86 dari skala 5. Nilai t antara ujian pra dan pos bagi kategori sekolah SMKA ialah 13.52 dan nilai signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05.



Manakala bagi kategori sekolah KAA pula, jadual 6.30 menunjukkan skor min ujian pra ialah 2.22 dari skala 5 dan skor min ujian pos adalah 3.16 dari skala 5. Nilai t antara ujian pra dan pos bagi kategori sekolah KAA ialah 20.70 dan nilai signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05.

Keputusan ujian t ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan antara pencapaian pelajar SMKA dengan pelajar KAA dalam ujian pos pembinaan ayat bahasa Arab di mana nilai t pencapaian pelajar KAA lebih tinggi dari nilai t SMKA. Ini menunjukkan pencapaian pelajar KAA lebih tinggi daripada pencapaian pelajar SMKA. Oleh itu hipotesis nol 3 tertolak.

**JADUAL 6.31: Pencapaian Pelajar Kumpulan Kawalan Dalam Membina Ayat bahasa Arab Mengikut Jenis Sekolah**

<b>Bil</b>	<b>Jenis Sekolah</b>	<b>Skor Min Ujian Pra</b>	<b>Skor Min Ujian Pos</b>	<b>Nilai t</b>	<b>Sign.</b>	<b>Keputusan Ujian t</b>
1.	SMKA	2.72	2.86	3.053	0.005	Signifikan
2.	KAA	2.13	2.40	8.123	0.00	Signifikan

Jadual 6.31 menunjukkan pencapaian pelajar kumpulan kawalan dalam membina ayat bahasa Arab mengikut jenis sekolah. Ia menunjukkan skor min ujian pra bagi pelajar SMKA ialah 2.72 dari skala 5 dan skor min ujian pos adalah 2.86 dari skala 5. Nilai t antara ujian pra dan pos bagi kategori sekolah SMKA ialah 3.053 dan nilai signifikan ialah 0.005. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05.

Manakala bagi kategori sekolah KAA pula, jadual 6.31 menunjukkan skor min ujian pra ialah 2.13 dari skala 5 dan skor min ujian pos adalah 2.40 dari skala 5. Nilai  $t$  antara ujian pra dan pos bagi kategori sekolah KAA ialah 8.12 dan nilai signifikan ialah 0.00. Ini menunjukkan terdapat perbezaan min yang signifikan pada paras 0.05.

Kesimpulan ujian  $t$  antara ujian pra dan ujian pos secara keseluruhan di antara kumpulan rawatan dan kumpulan kawalan bagi kategori sekolah, dapatan kajian mendapati tahap pencapaian kumpulan pelajar rawatan adalah lebih baik daripada tahap kumpulan pelajar kawalan dalam membina pola-pola ayat bahasa Arab yang gramatis setelah mengikuti pengajaran pola ayat menggunakan modul. Sementara itu, dapatan perbezaan pencapaian mengikut kategori sekolah dapatan menunjukkan pencapaian pelajar rawatan sekolah KAA lebih baik dari pencapaian pelajar rawatan SMKA dalam ujian pos.

#### **6.4 PENUTUP**

Bab ini adalah bab yang berkaitan dengan analisis data dan dapatan kajian. Penganalisisan data ini dibahagikan kepada dua bahagian iaitu (a) Analisis Data Deskriptif dan, (b) Analisis Data Kuasi-Eksperimen. Analisis data deskriptif menggunakan menggunakan sumber (a) soalselidik, (b) ujian diagnostik. Manakala Analisis data kuasi-eksperimen menggunakan sumber ujian pra dan ujian pos.

Seterusnya bab ini memaparkan keputusan analisis data bagi menjawab persoalan kajian dalam kajian deskriptif iaitu; (a) masalah pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab yang gramatis dan, (b) aspek kelemahan dan kesilapan

tatabahasa yang kerap dilakukan pelajar dalam membina ayat-ayat bahasa Arab. Selain itu bab ini juga telah menjawab persoalan kajian dalam kajian kuasi-eksperimen iaitu; (a) terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab yang gramatis, (b) terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan dan pelajar kumpulan kawalan dalam membina pola ayat bahasa Arab yang gramatis mengikut perbezaan 6 aras soalan dan (c) terdapat perbezaan min yang signifikan di antara pencapaian pelajar kumpulan rawatan SMKA dan KAA dalam membina pola ayat bahasa Arab. Seterusnya hasil dapatan kajian ini akan dibincangkan dan disimpulkan dalam bab seterusnya.